



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGKUNYA DI MALAYSIA**  
Minggu Ke 8 (Dalam tempoh 22 hingga 28 Februari 2009)

Sejumlah 1,017 kes demam denggi dengan 7 kematian dilaporkan sepanjang minggu lepas iaitu minggu 8 tahun 2009. Jumlah ini tidak banyak berbeza dengan jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya yang berjumlah 1,020 kes dengan 5 kematian. Kesemua 7 kematian yang dilaporkan adalah dari Negeri Selangor dan taburan mengikut daerah adalah Petaling (2), Gombak (2) serta masing-masing satu kes di Kuala Langat, Klang dan Kajang. Untuk makluman 2 daripada kes kematian ini berlaku di kawasan wabak.

Walaupun kes yang dilaporkan tidak menunjukkan peningkatan yang ketara, sebenarnya 6 buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Labuan (300%), Terengganu (106%), Pahang (40%), Johor (29%), WP Kuala Lumpur-Putrajaya (15%) dan Sabah (7%), sila rujuk Lampiran A. Secara keseluruhan, Negeri Selangor masih menyumbang kes tertinggi daripada jumlah keseluruhan minggu ini, iaitu 52%. Jumlah terkumpul kes denggi bagi tahun 2009, sehingga 28 Februari 2009 ialah 9,937 kes dengan 30 kematian, jumlah ini masih jauh tinggi iaitu 53% dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu 6,495 kes dengan 11 kematian. Penyumbang tertinggi jumlah kes adalah Selangor dengan 5,186 kes dengan 20 kematian.

Sepanjang minggu lepas, sejumlah 12 lokaliti telah bebas wabak denggi, tetapi dalam masa yang sama, terdapat 7 lokaliti hot-spot baru, menjadikan jumlah sebenarnya adalah 35 lokaliti hot-spot, berbanding 40 hot-spot pada minggu sebelumnya. Taburan 'hot spot' mengikut negeri ialah Selangor (31 'hot spot') dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya (4 'hot spot') (Lampiran C, D & E).

Pada minggu ini, 65 (66%) aktiviti gotong-royong berbanding 99 yang disasarkan dengan penglibatan 4,370 penduduk telah dijalankan. Peningkatan ketara aktiviti promosi kesihatan dilihat pada tahun ini, sehingga 27 Februari 2009, sejumlah 349 gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh negara dengan kehadiran 16,772 penduduk berbanding dengan 129 gotong-royong dengan 9,380 kehadiran dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Negeri yang banyak melakukan gotong-royong pada tahun ini ialah Negeri Selangor (91 gotong-royong), Johor (60 gotong-royong), Perak (31 gotong-royong), Pahang (30 gotong-royong) manakala lain-lain negeri menjalankan kurang dari 20 aktiviti gotong-royong. Peningkatan peratusan aktiviti lain iaitu ceramah 35%, edaran risalah 39% dan tunjuk cara 51% dilihat pada tahun ini.

Pemeriksaan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada minggu ke 8 menunjukkan sebanyak 948 premis menunjukkan positif pembiakan nyamuk *Aedes* dan 74% daripada premis positif pembiakan *Aedes* adalah rumah kediaman dan kedai. Pemeriksaan juga menunjukkan positif pembiakan *Aedes* yang tinggi terutamanya di projek perumahan terbengkalai, pembahagi jalan, tapak binaan dan taman permainan/rekreasi. Tindakan penguatkuasaan juga dipertingkatkan pada minggu ini, dimana sejumlah 311 kompaun bernilai RM 38,150 serta 378 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan.

Bagi jangkitan penyakit Chikungunya pula, sejumlah 81 kes telah dilaporkan diseluruh negara pada minggu Epid ke 8 iaitu penurunan

sebanyak 13 kes (14%) jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya (94 kes). Daripada jumlah tersebut, seramai 15 (19%) pesakit Chikungunya hanya mendapatkan rawatan pesakit luar dan selebihnya memerlukan rawatan di hospital. Tiada kes yang melibatkan kematian dilaporkan setakat ini.

Lapan puluh satu kes yang dilaporkan adalah dari 75 lokaliti di 9 buah negeri iaitu Selangor (28 kes) diikuti oleh Kelantan (15 kes), Perak (12 kes), Johor (9 kes), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (7 kes), Pulau Pinang (4 kes), Pahang (3 kes), Negeri Sembilan (2 kes) dan akhir sekali Kedah (1 kes) (Lampiran B). Pada minggu ini juga sebanyak 10 lokaliti wabak dilaporkan diseluruh negara. Sebanyak 8,485 premis dirancang untuk dibuat semburan kabus bagaimanapun hanya 3,225 premis (38%) dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien manakala majoriti dari premis ini tertutup atau berkunci. Selain itu 4 aktiviti gotong-royong yang dirancang bagi minggu tersebut tetapi hanya 2 aktiviti dapat dilaksanakan. Berdasarkan situasi tersebut, kerjasama penduduk tempatan dalam bersama-sama mengawal jangkitan Chikungunya bolehlah dianggap belum mencapai tahap optimum.

Walaupun terdapat tren penurunan bagi kes Denggi dan Chikungunya dilihat sehingga minggu ke 8, pihak Jabatan Kesihatan Negeri perlu memastikan aktiviti kawalan dan pemantau untuk penyakit ini dilakukan berterusan bagi mengekalkan tren pengurangan kes kepada 10% serta 25% lokaiti wabak setiap tahun untuk Denggi dan Chikungunya diseluruh negara. Pihak Kementerian Kesihatan menyeru masyarakat umum juga mengekalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut diteruskan:

- a. Luangkan masa 10 minit untuk mengesan dan menghapuskan tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah kediaman sekurang-kurangnya seminggu sekali.

- b. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air yang sukar untuk dikosongkan seperti tangki air utama dan sistem tandas.
- c. Menyembur aerosol pembunuh nyamuk Aedes di tempat gelap dan tersembunyi didalam dan luar rumah mengikut keperluan.
- d. Jika ada kemusykilan, dapatkan maklumat berkaitan demam denggi dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 Mac 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 8/2009  
(22 – 28 FEBRUARI 2009)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Terkumpul Minggu 1-8 Tahun 2009	Jumlah Kes Bagi Tempoh Sama 2008
		Minggu 7/09 (15-21 Feb)	Minggu 8/09 (22-28 Feb)		
1.	PERLIS	3	1	28	20
2.	KEDAH	24	14	269	193
3.	PULAU PINANG	45	30	520	301
4.	PERAK	113	95	885 (1)	738
5.	SELANGOR	534 (5)	532 (7)	5186 (20)	2346 (5)
6.	WPKL/PUTRAJAYA	81	93	897 (4)	779
7.	N.SEMBILAN	18	13	187 (2)	168
8.	MELAKA	13	12	132	95
9.	JOHOR	49	63	514 (2)	459 (3)
10.	PAHANG	15	21	225	299
11.	TERENGGANU	16	33	210	357 (2)
12.	KELANTAN	29	32	289	279 (1)
13.	SARAWAK	52	45	375	246
14.	SABAH	27	29	214 (1)	207
15.	LABUAN	1	4	6	8
	<b>Jumlah</b>	<b>1,020 (5)</b>	<b>1,017 (7)</b>	<b>9,937 (30)</b>	<b>6,495 (11)</b>

Nota:  
( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID KE 7 DAN 8 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Kes Terkumpul Minggu 1-8 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 7 (15-21 Feb09)	Minggu 8 (22-28 Feb 09)		
1	Selangor	21	28	220	353
2	Kelantan	28	15	225	135
3	Perak	19	12	196	590
4	Johor	2	9	86	1,846
5	Kedah	0	1	30	181
6	Pahang	5	3	51	341
7	Pulau Pinang	2	4	46	6
8	WP KL-Putrajaya	6	7	49	27
9	Negeri Sembilan	0	2	18	176
10	Perlis	8	0	14	3
11	Melaka	0	0	0	606
12	Terengganu	2	0	28	4
13	Sarawak	1	0	1	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>94</b>	<b>81</b>	<b>964</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

28 Februari 2009

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 28 FEBRUARI 2009

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat A	67	142
2	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres D	40	114
3	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres A	42	108
4	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Teres A	51	106
5	SELANGOR	GB	Kg Laksamana	36	95
6	SELANGOR	MPKj	Zon 1 Sek 8 BBB	51	94
7	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Perdana	46	92
8	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa C	61	89
9	SELANGOR	MBSA	Seksyen 18 Flat 18/43	29	95
10	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A	51	85
11	SELANGOR	MBSA	Seksyen 20 Flat PKNS	27	76
12	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	59	72
13	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres B	23	72
14	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6 Flat	21	70
15	SELANGOR	MBSA	Seksyen 27 Teres C	45	65
16	SELANGOR	MBSA	Seksyen 33 Taman Alam Indah	25	64
17	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres B	17	62
18	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Flat 8A	23	60
19	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Teres A	20	60
20	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puchong Jaya	40	59
21	SELANGOR	SP	Taman Seroja Zon B	11	53
22	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong	33	51
23	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	15	47
24	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri	14	45
25	SELANGOR	MPK	Taman Kg Kuantan	14	41
26	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Teres D	32	40
27	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	12	36
28	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Zon A	9	35
29	SELANGOR	MPK	Taman Setia	10	34
30	SELANGOR	GB	Taman Bidara	5	31
31	SELANGOR	HS	Apt. Teratai, Bukit Beruntung	16	31
32	WPKL	SETAPAK	Tmn Setiawangsa (Kws F)	18	79
33	WPKL	SETAPAK	Tmn Setapak Jaya (Kaw G)	14	52
34	WPKL	CHERAS	Taman Ikan Emas (Kaw B)	11	49
35	WPKL	K. LAMA	Vista Angkasa	9	30

Lampiran D

SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 8 (22 - 28 FEB 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tamat Pada
1	SELANGOR	SP	Tmn Seroja Zon B	11	05.03.09
2	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	12	08.03.09
3	SELANGOR	MPK	Tmn Setia	10	06.03.09
4	SELANGOR	GB	Tmn Bidara	5	01.03.09
5	SELANGOR	HS	Apt. Teratai Bkt Beruntung	16	08.03.09
6	WPKL	SETAPAK	Tmn. Setapak Jaya (Kws G)	14	01.03.09
7	WPKL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	9	06.03.09

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 8 (22 – 28 FEB 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa B	26	86
2	SELANGOR	MBSA	Teres Seks. 6	15	64
3	WPKL	PB	Menara Orkid Bb Sentul	19	63
4	SELANGOR	GB	Tmn Pinggiran B. Caves	11	58
5	SELANGOR	MBSA	Seks. 10	10	56
6	WPKL	SETAPAK	Tmn Sepakat Jaya (Kws G)	10	45
7	SELANGOR	MBSA	Seks.8 Flat 8d	18	40
8	SELANGOR	MBSA	Nusa Subang	8	39
9	SELANGOR	MPKj	Tmn Kajang Prima	10	39
10	JOHOR	JB	Apt Austin Perdana	5	33
11	P.PINANG	TL	Lrg Rumbia Sg. Dua	7	33
12	SELANGOR	SEPANG	Tmn Seroja Zon A	4	31